



Penglibatan Institusi Islam Dalam Melahirkan Pakar Kewangan Dan Ekonomi Islam Di Negara Brunei Darussalam

KAMARU SALAM BIN YUSOF

Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam
drkyusof@gmail.com

Abstrak

Melahirkan pakar di dalam sesuatu bidang terutama bidang yang berkaitan dengan profesional semasa bukanlah suatu yang mudah. Ia memerlukan kepada masukan kefahaman, penguasaan dan juga penglibatan di dalam lapangan yang diceburi. Pembentangan dan kertas ini cuba untuk melihat bagaimana usaha yang telah dan sedang dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam dalam melahirkan pakar-pakar kewangan dan ekonomi Islam untuk dibekalkan kepada bukan sahaja negara setempat, tetapi juga kepada seluruh dunia yang memerlukan sistem kewangan ini. Kajian ini penting kerana ia akan mengkaji keseluruhan pihak yang terlibat samada secara langsung atau secara tidak langsung dan penglibatan yang berlaku di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini dibuat berdasarkan dokumen-dokumen, laporan dan juga temubual yang diadakan dengan beberapa pihak yang terlibat. Kajian mendapati bahawa usaha yang amat giat sedang berlaku dan dilaksanakan oleh semua pihak bermula dari pihak kerajaan sehingga kepada sektor swasta (bukan kerajaan) dan dijangka akan melahirkan hasilnya yang akan dapat dilihat tidak berapa lama lagi. Semua usaha tersebut –samada telah atau di dalam perancangan - dibentangkan di dalam kertas kajian ini.

Kata Kunci: *Pakar ekonomi, pakar kewangan, Institusi Pengajian Tinggi, Brunei Darussalam.*

1. Pengenalan

Sistem Ekonomi dan secara khususnya kewangan telah bermula dalam bentuk pertukaran barangan (barter trade) di zaman permulaan kehidupan manusia. Ianya mudah, telus, dan dilakukan oleh kebanyakan ahli masyarakat tanpa memerlukan kepada sistem yang kompleks dan institusi besar. Kaya miskin seseorang dalam pandangan masyarakat masa tersebut kebiasaannya diukur melalui pemilikan harta fizikal samada alih dan tidak alih, dan bukannya melihat kepada harta tidak nampak seperti pada hari ini. Apabila sistem pertukaran barangan tersebut agak membebankan, maka manusia memikirkan pula suatu bentuk alat yang dipanggil mata wang. Apa juga bentuk barangan yang dipersetujui bersama dalam sesuatu masyarakat maka ianya telah dijadikan sebagai pengantara untuk pertukaran. Pelbagai jenis barangan bertukar ganti menjadi mata wang dan hinggalah ke hari ini, kertas dan logam telah diterima pakai oleh kebanyakan masyarakat dunia. Perbincangan dan kajian tentang mata wang akhirnya menjadi salah satu bidang utama dalam ilmu ekonomi moden (al-Misriyy, Rafiq, 1981. Ms 3). Pendapat ini adalah pendapat yang dipegang oleh beberapa sarjana ekonomi barat seperti Silvio, Gesell dan pengikut-pengikutnya.

Ketika kehidupan mula menjadi begitu kompleks, maka sistem ekonomi mula diterokai. Sistem kapitalis, sosialis atau sistem bercampur mula diketengahkan oleh sarjana-sarjana barat kepada masyarakat barat. Kemudiannya dengan kuasa penjajahan dan kekuasaan barat ke seluruh dunia, sistem-sistem tersebut diterapkan di dalam tanah jajahan atau di negara-negara yang kurang maju. (Landes, 1961) Sistem ekonomi Islam mula digali selepas era penjajahan tamat. Sistem Ekonomi dan juga kewangan Islam yang telah lama digunakan oleh umat Islam seluruh dunia mula diketengahkan sebagai salah satu ganti atau alternatif kepada sistem barat yang memang telah jauh dari agama (samada Islam atau Kristian). Kebejatan yang berlaku di dalam sistem ciptaan barat mula terserlah dan boleh dikatakan penyebab utama kepada ketandusan akhlak, prihatin di kalangan ahli masyarakat dan menambah jurang kepada orang kaya dan miskin. (Korten, 2014) Sistem Islam perlu kepada penyusunan semula dan sudah semestinya tidak boleh lari dari roh dan struktur ekonomi manusia. Ini memerlukan kepada tokoh-tokoh yang bekerja keras untuk membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa sistem Islam ini adalah yang terbaik. Institut pengajian Islam di seluruh dunia perlu berperanan bekerja melahirkan tokoh-tokoh di dalam bidang ini dan kemudiannya membentangkan kepada dunia bahawa Sistem Ekonomi dan Kewangan Islam lah yang terbaik dan perlu dilaksanakan. (Siddiqi, 2006)

2. Dapatan dan Perbincangan

Institut Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam

Walaupun Negara Brunei Darussalam adalah kecil, tetapi ia dia anggap sebagai sebuah negara yang terkedepan di Asia Tenggara dalam beberapa aspek. Dengan penduduk seramai lebih dari 453,600 orang (Brunei Darussalam Statistical Yearbook [BDSY], 2020), dan keluasan negara yang hanya meliputi 5,765 km persegi (BDSY, 2020), proses untuk



mengubah arus fikir dan tindakan adalah lebih mudah. Tetapi apa yang boleh dikatakan, kewujudan tokoh dan pakar ekonomi dan kewangan Islam masih belum mencukupi. Oleh itu usaha ini telah ditekankan terutama dalam era mencapai Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035. Sasaran yang ingin dicapai masih jauh, tetapi usaha yang telah dilaksanakan amat memberangsangkan. (Roslee & Yussof, n.d.)

Pusat pengajian ekonomi dan kewangan di Negara Brunei Darussalam

Pusat pengajian tinggi di Negara Brunei telah berkembang dengan pesat sejak kebelakangan ini. Jika pada tahun 1985, Negara Brunei Darussalam hanya mempunyai sebuah universiti awam, tetapi pada tahun 2013 jumlahnya telah meningkat kepada 4 buah. Bagi sebuah negara yang kecil dengan jumlah penduduk yang sedikit, jumlah 4 buah Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) adalah besar. Setiap dari satu IPTA tersebut mempunyai bidang khusus istimewanya masing-masing. (Tibok & Hiew, 2019)

Hingga kini, IPT yang telah berdiri megah di Negara Brunei Darussalam ialah:

1. Universiti Brunei Darussalam (di asaskan pada tahun 1985).
2. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (di asaskan pada tahun 2007).
3. Kolej Universiti Pengajian Ugama Seri Begawan (diasaskan pada tahun 2007).
4. Universiti Teknologi Brunei (diasaskan pada tahun 2008 sebagai sebuah Institut).

Kerajaan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga telah mengasaskan sebanyak 8 buah pusat pengajian tinggi lain yang bukan bertaraf universiti. Ianya ialah (Brunei Darussalam Statistical Yearbook, 2010. Muka 171):

1. Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal,
2. Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah,
3. Pusat Latihan Mekanik,
4. Sekolah Perdagangan,
5. Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam,
6. Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah,
7. Sekolah Vokasional Wasan,
8. Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei
9. Pusat Pembangunan Belia

Di samping IPT awam kerajaan, terdapat juga beberapa buah kolej swasta di Negara Brunei Darussalam ini yang boleh dianggap sebagai IPT memandangkan kebanyakannya menawarkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda yang pada kebiasaannya berkembar dengan universiti-universiti luar negara (Wikipedia, *Universities in Brunei*, 2013).

Antaranya ialah:

1. Kolej Perdagangan Laksamana (2003)
2. Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (IGS -2002)
3. Kolej Antarabangsa Micronet (1989)
4. Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan (2004)
5. Institut Kemuda (2004)
6. Akademi Perakaunan Bicpa-Ftms (1987)

Penawaran Program Kewangan Dan Ekonomi

Dari pelbagai IPT yang ada di Brunei, terdapat beberapa institusi yang khusus menawarkan pengajian ekonomi dan kewangan atau kursus yang ada kaitannya dengan pengajian ekonomi dan kewangan di peringkat ijazah. Antaranya ialah:

1. Di Universiti Brunei Darussalam (UBD), terdapat Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pengajian Polisi yang menawarkan 3 program ijazah:
 - 1.1. Ijazah Pengurusan Perniagaan
 - 1.2. Ijazah Ekonomi
 - 1.3. Ijazah Akaun dan Kewangan.
2. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pula melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam menawarkan 2 program ijazah:
 - 2.1. Ijazah Kewangan Islam (diperkenalkan pada tahun 2007)
 - 2.2. Ijazah Ekonomi Islam (diperkenalkan pada tahun 2019)
 - 2.3. Ijazah Sains Pengurusan (diperkenalkan pada tahun 2007)
3. Institut Teknologi Brunei melalui Fakulti Perniagaan dan Komputer pula telah menawarkan:
 - 3.1. Bachelor Of Business (Hons) In Business Information Systems



- 3.2. Bachelor Of Business (Hons) In Finance & e-Business
- 3.3. Bachelor Of Business (Hons) In e-Marketing & Information Systems
- 3.4. Bachelor Of Business (Hons) In Accounting & Information Systems
- 3.5. Bachelor Of Business (Hons) In Applied Economics & Finance
- 3.6. Bachelor Of Business (Hons) In Technology Management
4. Kolej Universiti Pengajian Ugama Brunei Darussalam pula tidak menawarkan apa-apa kursus yang secara langsung kepada kewangan. Tetapi terdapat kursus-kursus yang sebenarnya juga ada kaitan dengan ekonomi dan kewangan secara tidak langsung seperti Fakulti Syariah yang menawarkan:
 - 4.1. Ijazah Sarjana Perguruan Ugama (Syariah)
 - 4.2. Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Syariah)
 - 4.3. Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Syariah)
 - 4.4. Diploma Perguruan Ugama (Syariah)

Kebanyakan dari kolej-kolej swasta pula biasanya menawarkan kursus akaun dan apa-apa yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan. Sebagai contohnya IGS (IGS, 2013) menawarkan kursus sijil dan juga diploma in Business and Finance, diploma in Business (Accountancy), diploma in Business (Entrepreneurship), diploma in Business (Marketing), Higher National Diploma in Computing, Higher National Diploma in Business (Management) dan Higher National Diploma in Business (Accounting). Melalui kerjasama dengan Limkokwing University of Creative Technology (LUCT), Malaysia, Kolej IGS telah menawarkan empat (4) program ijazah sepenuhnya. Salah satunya adalah Bachelor of Business (Hons) in Accounting. Cosmopolitan College of Commerce & Technology (CCCT) (Cosmopolitan College of Commerce & Technology, 2013) pula menawarkan kursus Diploma di dalam bidang Business & Finance, Higher National Diploma (HND) dalam bidang Business (Accounting) dan Business (Management), International Certificate in Business (NCC- ICB, UK), International Diploma in Business (NCC- IDB, UK) dan London Chamber of Commerce & Industry (LCCI - L3).

Di samping IPT ini, terdapat sebuah lagi pusat perkembangan dan pembelajaran yang telah ditubuhkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam. Ia dinamakan BILIF (Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance). Ia bertujuan untuk menjadi platform perkembangan bakat kemanusiaan di dalam industri ekonomi kewangan di Brunei Darussalam. Ia menawarkan pembelajaran profesional dan mengembangkan solusi di dalam disiplin utama yang berkaitan dengan perbankan, kewangan, insuran, pasaran modal dan juga dalam aspek pengurusan dan pengajian profesional. Walaupun ia bukan merupakan sebuah IPT, tetapi ia banyak mengadakan kursus jangka pendek kepada kakitangan kerajaan dan swasta dalam bentuk kursus beberapa hari mengenai hal-hal ekonomi dan kewangan Islam.

Usaha khusus melahirkan pakar ekonomi dan kewangan Islam

Apa yang dinyatakan di atas adalah usaha umum yang dilakukan oleh Kerajaan Ke bawah Duli Tuanku Sultan Haji Hassanali Bolkiah selaku pihak yang bertanggungjawab untuk melahirkan tokoh-tokoh dan pakar di dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam. (bin Abdul'Ali et al., 2014) Tenaga pakar ekonomi dan kewangan yang ingin dilahirkan di Brunei mungkin agak sedikit berbeza dengan tenaga pakar dari tempat-tempat lain di dunia ini. Perbezaan mazhab, kelainan situasi dan keperluan adalah antara isu utama yang menyebabkan perlunya kepakaran yang lahir dari negara ini sendiri. Penasihat syariah untuk ekonomi dan kewangan Islam di Bank Pusat Brunei dan institusi kewangan Brunei mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu yang kemungkinan tidak sesuai diisi oleh mereka yang tidak memahami isu dan kehendak tempatan. (Shah, n.d.) Usaha khusus yang dilakukan oleh kerajaan Negara Brunei pula ialah melahirkan Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada tahun 2007. Mengikut statistik yang dilakukan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (selepas ini akan disebut sebagai UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islamnya telah melaksanakan banyak usaha ke arah pembinaan tokoh dan pakar di dalam bidang ini. Antara usaha tersebut ialah:

1. Penjenamaan semula Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan (FBMS) menjadi Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (selepas ini disebut FEKIm). Ini dilakukan pada 12 Oktober 2016.
2. Sehingga 2022, sebanyak 50% daripada tenaga akademik FEKIm yang bertugas sebagai pensyarah telah dilantik untuk menjadi Ahli Badan Penasihat Syariah di industri perbankan dan kewangan Islam samada di dalam atau di luar Brunei.
3. Dalam masa 5 tahun terakhir, FEKIm telah menawarkan beberapa kursus baru bagi mencapai tujuan melahirkan pakar dan tokoh di dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam. Antaranya ialah:
 - a. Pengajian Prasiswazah (Bachelor in Islamic Economic)



- b. Pengajian Siswazah (Master in Islamic Economics (MIE) (2017), Master in Business Administration (MBA) (2022), PhD in Islamic Banking and Finance (2016), PhD in Islamic Economics (2017) dan PhD in Business Administration and Management (2022)
4. Sejak Hafl al-Takharuj (Majlis Konvokesyen) Pertama iaitu pada tahun 2011 sehingga konvokesyen ke-12 pada tahun 2022, FEKIm telah berjaya menghasilkan seramai 329
5. Majoriti lepasan dari FEKIm telah berjaya mendapat tempat kerja samada di dalam kerajaan atau swasta (72%), bekerja sendiri (9%) atau melanjutkan pelajaran (8%).
6. Seramai 5 orang Tenaga Akademik FEKIm (dari semua 8 orang tenaga akademik) telah disahkan memenuhi syarat penganugerahan sijil Associate Qualification on Islamic Finance (AQIF- adalah sijil yang dikeluarkan oleh IBFIM (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia)) yang diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Negara Brunei Darussalam.
7. FEKIm telah diakui sebagai institusi terbaik mengeluarkan graduan di dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam dan telah menerima anugerah dari Global Islamic Finance Awards (GIFA) Market Leadership Award bagi Education in Islamic Banking & Finance pada tahun 2019 di Cape Town, South Africa, tahun 2020 di Islamabad, Pakistan dan pada tahun 2021 di London, United Kingdom.
8. Pada September 2021, program BScIF (Bachelor of Science in Islamic Finance) FEKIm telah diiktiraf sebagai Program bertaraf 5 Bintang dan menduduki tempat teratas dalam Kategori Program Gunaan dengan 752.5 mata. Penilaian itu dijalankan oleh Vietnam National University dengan kerjasama ASEAN University Network (AUN).

Hasil pencapaian

Walaupun boleh dikatakan usaha yang dibuat adalah masih amat baru di dalam lapangan ekonomi dan kewangan Islam, namun suatu yang amat ketara ialah proses melahirkan pakar dan tokoh di dalam bidang ini telah mula menunjukkan hasilnya. Brunei yang setakat ini hanya mempunyai 2 buah institusi kewangan Islam telah memberikan kerjasama yang menggalakkan kepada institusi pendidikan ekonomi dan kewangan Islam.

Sasaran lain yang sedang diusahakan antara lain ialah:

1. Memberikan biasiswa khusus kepada para pelajar cemerlang di dalam bidang ini untuk menyambung pelajar di dalam bidang terbabit sebagai usaha untuk membentuk kepakaran mereka.
2. Menggalakkan para pelajar yang cemerlang untuk menjadi tenaga pengajar di dalam bidang-bidang ekonomi dan kewangan Islam sebagai persediaan untuk melahirkan lebih ramai lagi tenaga sokongan untuk masa akan datang.
3. Sasaran akan datang bukan hanya tertumpu kepada penyediaan tenaga dan pakar untuk kegunaan di dalam negara sahaja, bahkan akan dimanfaati oleh seluruh dunia samada dunia Islam atau bukan Islam.

3. Kesimpulan

Usaha melahirkan tenaga pakar di dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam adalah suatu yang wajib dilakukan. Memandangkan keperluan satu sistem ekonomi dan kewangan yang lebih mantap dan menggantikan sistem konvensional yang sedia ada pada masa ini, maka ianya tidak mungkin akan dicapai tanpa mempunyai tenaga yang mahir dan berkemampuan untuk menonjolkan kepada dunia kehebatan sistem Islam ini.

Tenaga dan pakar ini tidak akan lahir begitu sahaja, tetapi mesti dilakukan dengan cermat, teliti dan terancang. Antara pihak yang bertanggungjawab di dalam usaha ini ialah institusi pendidikan. Alasan ini semua menguatkan keperluan untuk semua institusi yang bertanggungjawab menggembleng usaha bagi mencapai sasaran melahirkan tenaga pakar di dalam bidang ini. Pihak Negara Brunei Darussalam telah menyedari perkara ini dan telah melakukan usaha yang terbaik dan semampu untuk mencapainya terutama melalui sasaran Wawasan 2035.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an. (1995), edisi kesembilan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.).

al-Misriyy, Rafiq. (1401H/1981M) *al-Islām wa al-Nuqūd*, Markaz al-nashr al-'Ilmiyy Jāmi'ah al-Malik 'Abd al-'Aziz, Jeddah, , hlm 3.

bin Abdul'Ali, M. J. A., Tan, T. S., & Lee, Y. C. (2014). Brunei: Islamic banking and finance. *The Islamic Finance Handbook*, 59–76.

Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2020, Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi (Jpke), Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Cosmopolitan College of Commerce & Technology. (2013). Atas talian <http://www.ccct.edu.bn/bn/index.php>



- Korten, D. (2014). The Failure of Bretton Woods. In *The case against the global economy* (pp. 35–44). Routledge.
- Landes, D. S. (1961). Some thoughts on the nature of economic imperialism. *The Journal of Economic History*, 21(4), 496–512.
- Roslee, B., & Yussof, H. M. (n.d.). The Economic and Social Progress of Brunei Darussalam. In *Routledge Handbook of Contemporary Brunei* (pp. 265–278). Routledge.
- Shah, H. S. (n.d.). *CENTRAL SHARĪAH BOARD IN CENTRAL BANKS: A COMPARATIVE STUDY OF PAKISTAN AND BRUNEI DARUSSALAM*.
- Siddiqi, M. N. (2006). Shariah, economics and the progress of Islamic finance: The role of Shariah experts. *Concept Paper Presented at Pre-Forum Workshop on Select Ethical and Methodological Issues in Shari'a-Compliant Finance.*, Cambridge, Massachusetts, USA.
- Tibok, R. P., & Hiew, W. (2019). Higher education systems and institutions, Brunei Darussalam. *Encyclopedia of International Higher Education Systems and Institutions*. Springer: Dordrecht, 1–6.
- UNICEF. Atas talian <http://www.unicef.org/infobycountry/bruneidarussalam.html>
- Website Wawasan Brunei atas talian: <https://www.wawasanbrunei.gov.bn/SitePages/Home.aspx> (diakses pada 9 Ogos 2022)
- Wikipedia. (2013). Atas talian http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_universities_in_Brunei.

eISSN 2948-5045



9 7 7 2 9 4 8 5 0 4 0 0 1